



جابتن ائام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(54)

Tarikh: 22 Zulkaedah 1446H
20 Mei 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	23 Mei 2025 / 25 Zulkaedah 1446
Tajuk	Penuhi Kehidupan Dunia Dengan Mengingati Kehidupan Akhirat

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PENUHI KEHIDUPAN DUNIA DENGAN MENGINGATI KEHIDUPAN AKHIRAT”

23 Mei 2025 / 25 Zulkaedah 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan kita, takwa berupaya mengawal hati, akal dan perbuatan agar sentiasa berada di landasan yang mendapat keredaan Ilahi. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: **“PENUHI KEHIDUPAN DUNIA DENGAN MENGINGATI KEHIDUPAN AKHIRAT”**

Firman Allah SWT, ayat 64 surah al-‘Ankabut:

﴿وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِیَ الْحَيَوَانُ لَوَّكَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٦٤﴾﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) hanyalah ibarat hiburan dan permainan. Dan sesungguhnya negeri akhirat itu adalah kehidupan yang sebenarnya. Jika mereka mengetahui (hakikat ini nescaya mereka tidak akan melupakan hari akhirat).

Setiap Mukmin wajib meyakini bahawa, kehidupan di dunia hanya sementara manakala kehidupan akhirat hendaklah dijadikan matlamat utama. Manusia diibaratkan tetamu di muka bumi, singgah seketika berkelana mencari bekalan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

sebelum menemui ajal yang telah ditetapkan. Kematian bukanlah penamat kehidupan, tetapi merupakan permulaan menuju kehidupan yang kekal abadi; bermula daripada alam kubur sehingga berlaku kiamat, disusuli hari kebangkitan di Padang Mahsyar, hari setiap manusia dihitung timbangan amal sehingga diputuskan sama ada terpilih sebagai penghuni syurga atau pun dicampakkan ke neraka. Semoga kita, datuk nenek serta ibu bapa kita, kaum keluarga dan zuriat keturunan kita, dilindungi daripada azab api neraka.

Terkandung pelbagai ayat al-Quran yang menyeru manusia untuk mengutamakan kehidupan akhirat serta peringatan untuk tidak menjadikan dunia sebagai matlamat hidup. Al-Quran menyifatkan 'kehidupan dunia' sebagai permainan, tipu daya, hiburan, kelalaian dan meletakkan kedudukan dunia berada di tahap rendah jika dipenuhi dengan kegiatan-kegiatan untuk melayan keperluan nafsu atau semata-mata untuk mengecapi nikmat dunia, tanpa menghiraukan perintah dan petunjuk wahyu Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW.

Al-Quran menggambarkan tabiat manusia amat menyukai habuan, kebendaan dan berlumba-lumba mengumpul kesenangan dunia sehingga tidak sedar bahawa kematian semakin hampir seperti yang difirmankan oleh Allah SWT melalui ayat 1 dan 2 surah al-Takasur:

﴿الْهَنَكُمُ التَّكَاثُرُ ۝ حَتَّى زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ۝﴾

Bermaksud: Kamu telah dilalaikan (daripada melakukan amalan soleh) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat sebanyak-banyaknya (harta benda, anak pinak, pangkat dan pengaruh). Sehingga kamu masuk ke dalam kubur.

Sarjana tafsir *al-Razi* ketika mentafsirkan ayat 64 surah Al-'Ankabut yang khatib bacakan pada permulaan khutbah; menggambarkan ancaman tipu daya kehidupan dunia membuatkan manusia terpedaya dalam arus kelazatan hiburan, lantas hanyut dalam kebatilan.

Sayugia diingatkan, ummah wajib berwaspada dengan tipu daya kehidupan dunia. Dorongan nafsu diganding bisikan syaitan, yang menggoda manusia dengan menghiasi perkara yang *syubhah* menjadi harus – perkara haram



menjadi indah, lalu menghasut manusia mendekati *syubhah* – berbuat kemungkar, mengejar kemewahan, mendamba kemasyhuran, mengimpikan jawatan sekali pun dicapai melalui penipuan, penyelewengan, pecah amanah dan rasuah yang nyata bersalahan dengan syarak.

Islam tidak melarang umatnya untuk mengumpul kekayaan asalkan tidak menjadi hamba dunia hingga sanggup melanggar batas yang ditetapkan syarak, menjadikan harta dan pangkat sebagai kiblat hidup. Islam adalah agama yang sangat mendorong kemajuan dan menuntut umatnya untuk berusaha memperoleh harta yang banyak agar dapat bersifat dermawan, melakukan kebajikan, menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan melalui amalan bersedekah, berwakaf dan berinfaq.

Mengutamakan akhirat bermaksud memanfaatkan kehidupan dunia sebagai ladang bercucuk tanam untuk dituai di akhirat. Bekalan yang dituntut bukanlah harta dan wang ringgit, pangkat dan jawatan, atau pun gelaran dan kemasyhuran, tetapi takwa dan akidah yang tulen, mengabdikan diri semata-mata kepada Allah SWT, mengesakan Nya dan tidak mensyirikkan Nya, menjauhi tahyul dan khurafat, mendahulukan kehendak Allah dan Rasul dalam semua perkara, dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala yang diperintahkan dan menjauhi larangan Nya.

Jemaah yang dibimbing petunjuk Ilahi

Kematian itu pasti, akhirat juga pasti menanti. Insaflah! kematian semakin hari semakin hampir dengan kita. Hakikat ini hendaklah menginsafkan kita untuk bermuhasabah. Adakah kita sedang mengutamakan akhirat? Atau masih terbuai dengan kesenangan dunia? Adakah kita masih melengah-lengahkan kewajipan bersolat? Adakah kita masih memilih mahu berdendam dan bermusuhan sesama insan? Adakah kita masih mahu menipu, mengambil harta orang lain, melakukan rasuah dan pecah amanah? Adakah kita memilih sengaja melengah dan tidak mahu membayar hutang dan terus memungkir janji? Adakah kita berterusan mengadu domba dan menyebarkan fitnah? Adakah kita bersifat anak derhaka?



Adakah kita masih menghabiskan masa dengan hiburan yang tidak berfaedah? Dan adakah kita masih bersifat dengki sombong, bongkak dan *takabbur*?

Ketahuilah! ketika kita dihimpunkan di Mahkamah Rabbuljalil, kita tertanya-tanya apakah nasib yang bakal menimpa diri, adakah berat timbangan amal kebaikan kita atau sebaliknya? Ketika itu tidak ada peguam bela yang boleh dilantik untuk membela kita, juga tidak ada saksi yang boleh diupah untuk tidak bercakap benar. Apa yang akan dibentangkan di hadapan Allah SWT ialah catatan daripada Raqib dan 'Atid, termasuk apa yang didengari oleh telinga, apa yang dilihat oleh mata, apa yang dilafazkan oleh mulut, apa yang dikerjakan oleh tangan dan di tempat mana kaki pernah melangkah.

Jemaah yang dinaungi rahmat Ilahi

Mimbar memilih memperingatkan empat perkara:

Pertama: Kematian, pertanyaan malaikat Munkar Nakir, kiamat dan hari kebangkitan, syurga dan neraka adalah perkara benar yang pasti berlaku dan ummah wajib beriman dengannya serta dituntut melakukan persiapan untuk menghadapinya.

Kedua: Niatkan segala perbuatan termasuk ketika menyempurnakan kerja harian dilakukan semata-mata kerana Allah SWT agar dinilai sebagai ibadah bagi mencapai maksud dunia sebagai ladang melakukan kebaikan untuk bekalan persediaan hari akhirat.

Ketiga: Abdikan diri kepada Allah SWT, jauhi maksiat, jauhi amalan syirik, tidak bersifat lebih takut dan taat kepada manusia hingga bersubahat melakukan kemungkaran. Perbanyakkan amal soleh, berbuat baik kepada ibu bapa, menyambung silaturahim, bersedekah dan berwakaf. Sentiasa beristighfar, membaca al-Quran dan bersolat sunat taubat setiap hari agar pengakhiran kita sentiasa dalam keadaan bersih daripada dosa dan noda.

Keempat: Dampingi orang-orang soleh – yang mengingatkan kita kepada Allah dan kehidupan akhirat; insya-Allah kehidupan kita akan sentiasa dipenuhi amal kebaikan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَخْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Ilahi,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةٍ

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي
فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah Ya Rabbal 'Alamin! Kurniai kami kebaikan di dunia - kebaikan di akhirat. Bimbing perjalanan hidup kami agar sentiasa mengutamakan akhirat dan tidak dihanyutkan dengan arus kemewahan dunia agar hidup kami mendapat berkat, rahmat dan keredaan Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.